



Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur dan UPOV 1991

Implikasi bagi Sistem Benih di Asia Tenggara
Sangeeta Shashikant

TWN

Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur dan UPOV 1991: Implikasi bagi Sistem Benih di Asia Tenggara

Sangeeta Shashikant



Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur dan UPOV 1991: Implikasi bagi Sistem Benih di Asia Tenggara

Diterbitkan oleh
Third World Network Bhd (198701004592 (163262-P))
131 Jalan Macalister
10400 Penang
Malaysia

Third World Network ialah pertubuhan penyelidikan dan advokasi antarabangsa bukan untung bebas yang terlibat dalam mewujudkan artikulasi yang lebih besar mengenai keperluan, aspirasi dan hak rakyat di Selatan dan dalam mempromosikan pembangunan yang adil, saksama dan ekologi.

twn@twnetwork.org | www.twn.my

Kandungan penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau digunakan semula secara percuma bagi tujuan bukan komersial, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Penerbitan ini dilesenkan di bawah Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International License.

Buku ini pertama kali diterbitkan dalam Bahasa Inggeris pada Jun 2025. Edisi Bahasa Melayu ini diterbitkan pada Ogos 2025.

Gambar dan reka bentuk muka depan: Lim Jee Yuan
Terjemahan: Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang

Kandungan

Ringkasan Eksekutif

I.	Pengenalan	1
II.	Forum EAPVP, Penubuhan dan Objektif	3
1.	Sekretariat Forum	4
2.	Ke Arah Penyelarasan: Projek Perintis Forum EAPVP (e-PVP Asia)	4
III.	Pengaruh Jepun, Kerajaan dan Entiti Asing dalam Forum EAPVP	7
1.	Pengaruh Jepun	7
2.	Pengaruh Kerajaan dan Entiti Asing Lain	8
3.	Kepentingan Ekonomi Jepun, Kerajaan dan Entiti Asing	10
IV.	Forum EAPVP: Asas bagi Propaganda UPOV	13
V.	Kebimbangan terhadap Sistem Benih di Wilayah Asia Tenggara	16
1.	Menjejaskan Proses Membuat Keputusan Demokrasi Negara	16
2.	Kesan dan Penerima Manfaat Penyelarasani Serantau (e-PVP Asia)	17
VI.	Kesimpulan	24

Penghargaan

Penulis berterima kasih atas maklum balas dan pandangan berharga yang diberikan oleh François Meienberg, Lim Li Ching, Chee Yoke Ling dan Martin Frid semasa penulisan kertas kerja ini.

Singkatan

AIPPI	Persatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Harta Intelek
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
ASSINEL	Persatuan Pembiak Baka Tumbuhan Antarabangsa
CIOPORA	Komuniti Antarabangsa Pembiak Baka Varieti Hiasan dan Buah-buahan yang Dihasilkan Secara Aseks
CPVO	Pejabat Komuniti Varieti Tumbuhan (Eropah)
DUS	kelainan, seragam dan stabil
EU	Kesatuan Eropah
Forum EAPVP	Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur
FTA	perjanjian perdagangan bebas
IP	harta intelek
IPR	hak harta intelek
IT	teknologi maklumat
ITPGRFA	Perjanjian Antarabangsa mengenai Sumber Genetik Tumbuhan bagi Makanan dan Pertanian
JASTA	Persatuan Perdagangan Benih Jepun
JATAFF	Persatuan bagi Inovasi Teknologi dalam Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun
JOPVPC	Konsortium Perlindungan Varieti Tumbuhan Luar Negara Jepun
LDC	negara kurang maju
MAFF	Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (Jepun)
OAPI	Pertubuhan Harta Intelek Afrika
OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
PBR	hak pembiak baka tumbuhan
PVP	perlindungan varieti tumbuhan
SEA	Asia Tenggara
SEMAE	Pertubuhan Antara Profesional Perancis bagi Benih dan Tumbuhan (dahulunya GNIS)
TRIPS	Aspek Hak Harta Intelek yang Berkaitan dengan Perdagangan
UNDROP	Deklarasi PBB mengenai Hak Petani dan Orang Lain yang Bekerja di Kawasan Luar Bandar
UPOV	Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu
UPOV 1991	Konvensyen UPOV 1991
USDA	Jabatan Pertanian Amerika Syarikat
USPTO	Pejabat Paten dan Tanda Dagangan Amerika Syarikat
WIPO	Pertubuhan Harta Intelek Sedunia
WTO	Pertubuhan Perdagangan Dunia

Ringkasan Eksekutif

KESATUAN Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu (UPOV) masih kekal amat kontroversi, setelah mencetuskan bantahan meluas, cabaran undang-undang dan pertikaian perlembagaan di banyak negara membangun. Penentangan terhadap UPOV sebahagian besarnya berpunca daripada Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai Aspek Hak Harta Intelek yang Berkaitan dengan Perdagangan (TRIPS), yang mewajibkan negara anggota WTO mewujudkan sistem perlindungan varieti tumbuhan (PVP). Walaupun Perjanjian TRIPS membentarkan negara-negara fleksibiliti untuk mereka bentuk rangka kerja PVP *sui generis* mereka sendiri, negara-negara maju secara konsisten telah menekan negara-negara membangun untuk menerima pakai Akta UPOV 1991 yang tegar dan ketat iaitu sebuah sistem yang direka untuk struktur pertanian yang dikomersialkan bagi negara-negara perindustrian yang banyak bergantung kepada bekalan benih dari pambiak baka komersial.

Disokong oleh Sekretariat UPOV dan entiti yang mewakili pemain dominan dalam industri benih global, negara maju telah menggunakan pelbagai strategi untuk menekan negara membangun agar menyertai UPOV 1991. Contohnya di Asia Tenggara, Vietnam dan Singapura menjadi ahli berikutan pemeteraian perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat. Hari ini, penyokongnya mempergiatkan usaha mereka untuk menyasarkan negara-negara Asia Tenggara yang lain, khususnya melalui inisiatif seperti Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur (Forum EAPVP).

Forum EAPVP, yang dimulakan oleh Jepun, telah berkembang menjadi bentuk platform utama bagi menekan negara-negara Asia Tenggara untuk menyertai UPOV 1991 dan bagi melakukan penyelarasaran serantau sistem PVP berdasarkan piawaian tegarnya. Walaupun dibentangkan sebagai wadah bagi kerjasama, agenda Forum pro-UPOV yang didorong oleh Jepun, Sekretariat UPOV, dan kerajaan seperti Belanda, Jerman, Perancis dan Amerika Syarikat, bersama-sama dengan industri benih mereka secara sistematik mempengaruhi pejabat PVP di rantau ini untuk menerima pakai piawaian UPOV 1991, mengenepikan keperluan pertanian negara dan meminggirkan suara tempatan yang menyokong konteks pendekatan yang sesuai bagi melindungi hak petani dan kepentingan negara.

Kertas kerja ini mendedahkan motivasi komersial di sebalik promosi agresif UPOV 1991. Ia membentangkan bukti yang menunjukkan bahawa negara maju terutamanya Belanda, Jerman, Perancis, Jepun dan Amerika Syarikat berdiri sebagai penerima manfaat utama UPOV 1991 dan penyelarasaran serantau berdasarkan model ini.

Bab II kertas kerja ini membincangkan asal usul, objektif dan penubuhan Forum EAPVP, termasuk langkah-langkah yang diambil ke arah penyelarasaran serantau. Bab III mengkaji motivasi dan kepentingan ekonomi yang mendorong Jepun, kerajaan dan entiti asing dalam mendorong negara-negara Asia Tenggara untuk menyertai UPOV 1991. Bab IV mendedahkan bagaimana Forum EAPVP telah menjadi platform bagi menyebarkan maklumat palsu pro-UPOV, secara sistematik mempromosikan naratif yang memberikan gambaran yang salah mengenai kesan dan implikasi UPOV 1991.

Bab V membincangkan kebimbangan utama bagi sistem benih di rantau Asia Tenggara, terutamanya menjelaskan proses membuat keputusan demokrasi negara, mengukuhkan UPOV 1991, sistem PVP yang tidak fleksibel di rantau ini, monopoli sistem benih Asia Tenggara oleh beberapa negara maju dan syarikat multinasional, pengurangan peranan pejabat PVP negara dan kehilangan kedaulatan negara.

Dalam Bab VI, kertas kerja ini menyimpulkan bahawa Forum EAPVP, walaupun dibentangkan sebagai platform kerjasama, terutamanya berfungsi sebagai alat strategik bagi Jepun dan Sekretariat UPOV untuk menekan negara-negara Asia Tenggara supaya menerima pakai rangka kerja UPOV 1991 yang tegar, mengancam ruang dasar dan kedaulatan pertanian mereka. Negara-negara Asia Tenggara, terutamanya bukan ahli UPOV, seharusnya menilai semula secara kritis penyertaan mereka dan menyokong orientasi semula Forum ke arah: kerjasama tulen berdasarkan pengiktirafan hak kedaulatan setiap negara untuk mengekalkan fleksibiliti untuk memiliki dan melaksanakan sistem PVP negara yang berbeza daripada Konvensyen UPOV; menggalakkan perbincangan berasaskan bukti yang kritikal; penglibatan pelbagai perspektif, khususnya pihak berkepentingan tempatan di Asia Tenggara seperti petani kecil, komuniti tempatan dan orang asli; penubuhan sekretariat bebas; dan memastikan lebih ketelusan dan akauntabiliti dalam aktiviti Forum. Tanpa pembaharuan yang bermakna, negara-negara Asia Tenggara seharusnya menarik diri daripada Forum untuk melindungi kepentingan negara dan autonomi dasar mereka.

Bab I

Pengenalan

KESATUAN Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu (UPOV) dianggap secara meluas sebagai kontroversial, mencetuskan bantahan dan cabaran undang-undang dan perlembagaan di peringkat negara. Kontroversi yang menyelubungi UPOV boleh dikesan dari penerima-pakaian Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai Aspek Hak Harta Intelek yang Berkaitan dengan Perdagangan (TRIPS). Artikel 27.3(b) Perjanjian TRIPS menghendaki ahli WTO (kecuali bagi mereka yang ditetapkan sebagai negara kurang maju (LDC)¹) untuk menyediakan sistem bagi perlindungan varieti tumbuhan “sama ada melalui paten atau sistem *sui generis* yang berkesan atau oleh mana-mana kombinasinya.”

Menerima pakai Perjanjian TRIPS banyak dipengaruhi oleh lobi daripada syarikat multinasional di negara maju, yang bertujuan untuk mengeksport sistem harta intelek (IP) mereka ke negara membangun.² Pada masa ia diterima pakai, sistem perlindungan varieti tumbuhan (PVP) hampir tidak wujud di negara membangun.

Perjanjian TRIPS tidak menetapkan butiran khusus mengenai jenis sistem PVP yang akan diterima pakai. Ia hanya menetapkan bahawa ia mestilah “sistem *sui generis* yang berkesan,” yang bermaksud sistem unik yang disesuaikan dengan keperluan dan keadaan setiap negara (sosio-ekonomi dan ekologi). Oleh itu, ahli WTO mempunyai kebebasan untuk mereka bentuk sistem PVP yang selaras dengan konteks dan keutamaan pertanian mereka, termasuk keperluan dan kepentingan petani kecil, yang membentuk tulang belakang sektor pertanian di negara membangun. Akibatnya, majoriti negara Asia Tenggara telah memilih untuk mereka bentuk sistem *sui generis* PVP mereka sendiri.

Sebaliknya, negara maju secara konsisten menyokong bagi menerima pakai Konvensyen UPOV 1991 (UPOV 1991). Asal usul UPOV adalah berakar umbi di Utara Global, dengan Konvensyen awal diterima pakai pada 1961 oleh 12 kerajaan Eropah sebagai maklum balas atas permintaan daripada pembiak baka benih komersial di Eropah. Persatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Harta Intelek (AIPPI), yang terdiri daripada peguam bagi industri, Persatuan Pembiak Baka Tumbuhan Antarabangsa (ASSINEL), dan Komuniti Antarabangsa Pembiak Baka Varieti Hiasan dan Buah-buahan yang Dihasilkan Secara Aseks (CIOPORA) memainkan peranan penting dalam pembentukannya.³

¹ Pada masa ini terdapat 44 ekonomi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai LDC. Antara ahli Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Laos dan Kemboja ialah LDC. Di bawah peraturan dan keputusan IP/C/88 Majlis TRIPS WTO, LDC tidak perlu melaksanakan mana-mana aspek Perjanjian TRIPS selain daripada Artikel 3, 4 dan 5 Perjanjian sekurang-kurangnya sehingga 1 Julai 2034 atau sehingga tarikh yang mana mereka tidak lagi menjadi LDC, yang mana tarikhnya lebih awal. Oleh itu, LDC tidak perlu mematuhi Artikel 27.3(b) Perjanjian TRIPS. Teks keputusan IP/C/88 boleh didapati di <https://docs.wto.org/dol2fe/Pages/SS/directdoc.aspx?filename=q:/IP/C/88.pdf&Open=True>

² “Who Owns the Knowledge Economy? Political Organising Behind TRIPS”, boleh didapati di <http://www.thecornerhouse.org.uk/sites/thecornerhouse.org.uk/files/32trips.pdf>

³ “Plant Variety Protection in Developing Countries, A Tool for Designing a Sui Generis Plant Variety Protection System: An Alternative to UPOV 1991”, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/files/seeds/files/ToolEnglishcomplete.pdf>

Setiap semakan Konvensyen UPOV yang seterusnya telah memperkuuh hak pemiak baka komersial secara berperingkat, dengan mengorbankan hak petani dan pertimbangan kedaulatan dan keterjaminan makanan di peringkat negara. UPOV 1991, khususnya, telah dirundingkan dan diterima pakai oleh hanya 20 negara anggota UPOV, dengan Afrika Selatan (masih di bawah pemerintahan aparteid ketika itu) menjadi satu-satunya negara membangun dalam kalangan mereka. Sistem UPOV pada asasnya direka bagi sistem pertanian negara maju, yang sangat bergantung kepada bekalan benih daripada pemiak baka komersial.

Sejak menerima pakai Perjanjian TRIPS, negara-negara maju, dengan sokongan Sekretariat UPOV dan entiti yang mewakili kepentingan pemain dominan dalam sektor benih komersial, telah menggunakan pelbagai strategi untuk memujuk lebih banyak negara membangun untuk menyertai UPOV 1991. Taktik ini termasuk menyebarkan maklumat palsu, dan mempersiapkan pejabat PVP, dan menggunakan langkah paksaan seperti menjadikan keahlian UPOV 1991 sebagai syarat dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) Utara-Selatan. Contohnya, Vietnam menyertai UPOV 1991 pada 2006 berikutan pemeteraian perjanjian perdagangan dua hala dengan Amerika Syarikat pada 2000 yang merangkumi peruntukan bahawa Vietnam perlu melaksanakan peruntukan UPOV dan “hendaklah segera melakukan segala usaha untuk menyetujuinya” kepada Konvensyen UPOV.⁴ Malah Singapura, sebuah negara bukan pertanian, menjadi sebuah pihak kepada UPOV 1991 pada 2004 selepas FTA dengan Amerika Syarikat. Penyokong UPOV kini menyasarkan negara Asia Tenggara yang lain melalui inisiatif seperti Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur (Forum EAPVP).

⁴ Lihat <https://ustr.gov/sites/default/files/US-VietNam-BilateralTradeAgreement.pdf>

Bab II

Forum EAPVP, Penubuhan dan Objektif

FORUM EAPVP nampaknya telah dimulakan oleh Jepun. Pada Oktober 2007, Jepun telah menganjurkan “Bengkel Kerjasama dan Penyelarasan dalam Perlindungan Varieti Tumbuhan di Rantau Asia” yang mencetuskan idea sistem PVP bagi rantau ini selaras dengan UPOV.⁵ Mesyuarat tahunan pertama Forum EAPVP berlangsung pada Julai 2008 di Jepun. Fokus Forum adalah pada negara-negara di rantau Asia Tenggara (SEA) ditambah China, Jepun dan Korea Selatan (SEA+3).

Semasa mesyuarat tahunan ke-12 Forum EAPVP pada 2019, rancangan strategik 10 tahun (2018 –2027)⁶ telah diterima pakai yang menetapkan “hala tuju jangka panjang” Forum ialah: “Mewujudkan sistem PVP yang berkesan selaras dengan Konvensyen UPOV dalam kalangan ahli Forum ke arah mencapai semua ahli Forum menjadi ahli dalam UPOV sebagai asas bagi penyelarasan PVP dan kerjasama di rantau ini dalam usaha untuk terus menyumbang kepada pembangunan pertanian mampan dan mencapai keterjaminan makanan”.

Untuk itu, “objektif” dalam bentuk “matlamat langsung” Forum adalah:

- “Objektif 1: Memperkuuh sistem PVP negara selaras dengan Konvensyen UPOV untuk menggalakkan pelaburan dalam pambiabkaan tumbuhan”
- “Objektif 2: Menyumbang untuk menyokong pencapaian keahlilan UPOV, untuk memudahkan penyelarasan prosedur permohonan dan pemeriksaan, dan untuk meningkatkan kerjasama PVP yang cekap di rantau ini”.

Untuk mengoperasikan objektif dan merealisasikan “hala tuju jangka panjang”, rancangan strategik itu menekankan keperluan bagi “aktiviti khusus negara” untuk mencapai Objektif 1 dan “aktiviti kerjasama serantau” untuk mencapai Objektif 2. Di tengah-tengah aktiviti negara dan serantau, rancangannya adalah untuk membangunkan/meminda sistem PVP negara selaras dengan UPOV 1991, dan untuk mewujudkan sistem PVP di peringkat serantau bagi SEA+3 berdasarkan sistem UPOV. Ia membayangkan bahawa sistem serantau yang diselaraskan akan memusatkan pemfailan dan pemeriksaan permohonan PVP.

Di bawah rancangan strategik, setiap ahli Forum digalakkan untuk membangunkan “Strategi Pelaksanaan Individu” dengan tujuan untuk menjadi pihak kepada UPOV 1991.

⁵ Lihat http://eapvp.org/files/about/docs/jointstatement_en.pdf

⁶ Lihat http://eapvp.org/uploads/EAPVPF_12_03.pdf

1. Sekretariat Forum

Jepun nampaknya merupakan pembiaya utama dan tuan rumah Forum, dengan sokongan besar daripada Sekretariat UPOV. Persatuan bagi Inovasi Teknologi dalam Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun (JATAFF)⁷ menjadi pejabat Forum. Menurut peraturan prosedur Forum, laman sesawang rasmi disokong oleh Jepun dan “Pejabat UPOV menghulurkan bantuan kepada aktiviti Forum di bawah rangka kerja kerjasama Kerajaan Jepun dan selaras dengan keutamaan UPOV.” Selain itu, peraturan menyatakan bahawa ahli boleh menerima “sokongan daripada penderma” bagi menganjurkan aktiviti, tetapi ini “tertakluk kepada perundingan dengan penderma.”⁸

2. Ke Arah Penyelarasan: Projek Perintis Forum EAPVP (e-PVP Asia)

Pada 2018, untuk memberi insentif kepada negara-negara Asia Tenggara untuk menyertai UPOV 1991 dan untuk mempercepatkan penyelarasan serantau selaras dengan piawaian UPOV, e-PVP Asia telah dimulakan. Inisiatif ini bertujuan untuk menyeragamkan sistem PVP di peringkat serantau, daripada pemfailan permohonan PVP kepada pemberian PVP, berdasarkan sistem UPOV. Ia dibayangkan untuk menjadi mekanisme yang selaras dibina menggunakan alatan dan pangkalan data teknologi maklumat (IT) UPOV dengan borang permohonan yang seragam, prosiding ujian DUS (kelainan, seragam dan stabil) yang diselaraskan dan penerimaan bersama keputusan ujian DUS. Perkembangannya disokong oleh bantuan kewangan dari Jepun dan bantuan teknikal dari UPOV. Sistem ini dirancang untuk beroperasi secara berfasa.

Menurut laporan mengenai projek perintis EAPVP ini,⁹ fasa pertama (dari 2018 hingga 2022) bertujuan untuk membangunkan dan menguji model platform aplikasi pendaftaran PVP dalam talian yang dikenali sebagai e-PVP. Dalam fasa kedua (bermula 2023), inisiatif itu akan mula beroperasi. Walau bagaimanapun, laporan 2023 oleh Jepun kepada UPOV mengenai perkembangan PVP baru-baru ini menyatakan bahawa Jepun, Vietnam dan UPOV akan melancarkan e-PVP Asia hanya pada awal 2027.¹⁰

Untuk mengambil bahagian dalam projek ini, negara-negara perlu menjadi ahli UPOV (iaitu, Jepun dan Vietnam), walaupun inisiatif itu juga nampaknya terbuka kepada negara-negara Asia Tenggara yang berhasrat untuk menyertai UPOV.


⁷ JATAFF menyediakan sokongan kepada penternak Jepun dengan membantu aplikasi PVP di luar negara dan memudahkan penguatkuasaan hak pembiak baka tumbuhan. Keahlian JATAFF terdiri daripada 85 entiti, termasuk syarikat Jepun yang terkenal seperti Takii, Sakata, Kubota, Yakult, Suntory, Kirin dan Ajinomoto, bersama-sama banyak kerajaan wilayah. JATAFF berfungsi sebagai pertubuhan perwakilan Konsortium Perlindungan Varieti Tumbuhan Luar Negara Jepun (JOPVPC), disokong oleh sokongan kewangan daripada Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (MAFF) Jepun. Pertubuhan lain JOPVPC termasuk Persatuan Perdagangan Benih Jepun (JASTA). Sumber: <https://www.jataff.or.jp/project/hinsyu/jataff-en.pdf>

⁸ Lihat http://eapvp.org/uploads/EAPVPF_12_07.pdf

⁹ Lihat http://eapvp.org/uploads/EAPVPF_15_03_Report-of-the-EAPVP-Pilot-Project_rev.pdf


¹⁰ “Jepun, Vietnam dan UPOV sedang ... bekerjasama untuk membangunkan satu Platform aplikasi dalam talian ‘e-PVP Asia’ yang membolehkan permohonan satu kali ke beberapa Pejabat PVP yang berkaitan dengan PRISMA, dengan itu mempercepatkan proses permohonan. ‘e-PVP Asia’ juga dijangka memudahkan kerjasama dalam pemeriksaan dalam kalangan negara yang mengambil bahagian. Kami menyasarkan untuk melancarkan ‘e-PVP Asia’ menjelang awal 2027.” Lihat Dokumen UPOV TWF/54/3 (Annex VI), boleh didapati di https://www.upov.int/edocs/mdocs/upov/en/twf_54/twf_54_3.pdf

✓ Bagaimana e-PVP Asia berfungsi



Sumber: Pembentangan JATAFF, <http://eapvp.org/uploads/10.-e-PVP-Asia-and-Viet-Nam%E2%80%99s-recent-developments-under-e-PVP-Asia.pdf>

Platform e-PVP dibayangkan untuk disepadukan dengan pangkalan data UPOV, iaitu PRISMA, PLUTO dan GENIE.¹¹



Sumber: Laporan Projek Perintis EAPVP, http://eapvp.org/uploads/EAPVPF_15_03_Report-of-the-EAPVP-Pilot-Project_rev.pdf

¹¹ PRISMA ialah alat dalam talian untuk membuat permohonan PVP ke pejabat PVP ahli UPOV yang mengambil bahagian. Pangkalan data PLUTO mengandungi maklumat mengenai varieti tumbuhan daripada ahli UPOV dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Pangkalan data GENIE menyediakan maklumat dalam talian mengenai genera dan spesies yang dilindungi oleh ahli UPOV, kerjasama dalam pemeriksaan, pengalaman dalam ujian DUS dan kewujudan Garis Panduan UPOV.

Antara 2018 dan Mac 2022, sembilan mesyuarat mengenai projek e-PVP Asia telah diadakan secara fizikal di Vietnam serta secara maya¹² untuk membincangkan tadbir urus projek itu. Sesi ke-9 meluluskan dokumen atas e-PVP Asia:¹³

- Memorandum kerjasama (MOC) antara negara peserta e-PVP Asia dan UPOV;
- Syarat penggunaan e-PVP Asia;
- Peraturan prosedur jawatankuasa pemandu;
- Peraturan kewangan e-PVP Asia;
- Terma rujukan agensi pelaksana e-PVP Asia;
- Prosedur bagi memilih agensi pelaksana e-PVP Asia;
- Mekanisme pembayaran;
- Keperluan e-PVP Asia berkenaan borang permohonan bergabung, soal selidik teknikal, semakan awal denominasi dan semakan awal kebaharuan.

Dokumen ini tidak tersedia di laman sesawang Forum EAPVP.

Pembangunan e-PVP Asia amat membimbangkan kerana ia berisiko bukan sahaja memantapkan sistem PVP yang tidak sesuai sepenuhnya di rantau ini, tetapi juga menyebabkan kehilangan kedaulatan negara ke atas benih, meningkatkan penumpuan dalam sektor benih.

¹² http://eapvp.org/uploads/EAPVPF_15_03_Report-of-the-EAPVP-Pilot-Project_rev.pdf

¹³ http://eapvp.org/uploads/EAPVPF_15_03_Report-of-the-EAPVP-Pilot-Project_rev.pdf

Bab III

Pengaruh Jepun, Kerajaan dan Entiti Asing dalam Forum EAPVP

1. Pengaruh Jepun

JEPUN, dengan kerjasama Sekretariat UPOV, adalah pemacu utama Forum EAPVP. Jepun menganggap sistem PVP yang diselaraskan bermodelkan UPOV 1991 di rantau Asia Tenggara sebagai penting untuk meningkatkan daya saingnya dan memastikan penguasaannya dalam sektor benih komersial di rantau ini.

“Strategi Pelaksanaan Individu” Jepun (2018–2027),¹⁴ yang dibentangkan pada mesyuarat tahunan Forum ke-11 pada 2018, menyerlahkan beberapa motivasinya, iaitu, kebekuan dalam bilangan permohonan bagi PVP di Jepun, keimbangan terhadap penggunaan varietinya di pasaran asing serta kehilangan daya saing pasaran dalam pasaran asing itu. Oleh itu, untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa Jepun dalam industri pertanian dan makanan, strategi pelaksanaan menetapkan objektifnya untuk “meningkatkan perlindungan PBR [hak pembedakan] di negara [asing] ketiga untuk menyediakan sistem PVP yang berkesan dan cekap kepada pembedakan baka serta meningkatkan inovasi Jepun”.

Ke arah matlamat tersebut, Jepun menyatakan strateginya ialah untuk “menggalak dan menyokong penubuhan undang-undang PVP selaras dengan Akta 1991 Konvenyen UPOV di negara-negara Asia di bawah Rancangan Strategik 10 tahun EAPVP dengan kerjasama UPOV dan pihak berkuasa lain bagi pembangunan ekonomi di rantau ini dan pelaburan bagi industri benih Jepun” dan untuk menuju suatu “mekanism penyalarasen serantau bagi prosedur permohonan dan pemeriksaan ... dengan kerjasama UPOV dan pihak berkuasa lain.”

Strategi Harta Intelek 2025¹⁵ Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun (MAFF) (bertarikh April 2021) menghuraikan mengenai risiko varieti tumbuhan yang dibangunkan di Jepun dibawa ke luar negara, menegaskan bahawa “langkah-langkah untuk menangani risiko ini termasuk pemerolehan hak pembedakan oleh pemegang pembedakan baka bagi diri mereka sendiri di negara asing atau rantau, dalam usaha untuk membolehkan diri mereka sendiri untuk mendapatkan perintah injunsi pengedaran varieti mereka di pasaran luar negara atau untuk menuntut ganti rugi bagi penanaman yang tidak dibenarkan”. Strategi itu juga menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh pembedakan bakanya untuk memfailkan PVP di setiap negara, justeru keperluan untuk Jepun “menggalakkan pendaftaran varieti di luar negara yang lancar”.

¹⁴ http://eapvp.org/files/report/docs/philippines/meeting_documents/EAPVPF_11_04_05.pdf

¹⁵ <https://www.maff.go.jp/e/policies/intel/attach/pdf/index-2.pdf>

Strategi itu menonjolkan kepentingan pasaran di Asia Tenggara bagi Jepun dan bagaimana MAFF akan, melalui Forum EAPVP, “menggalakkan negara-negara Asia Timur yang berkaitan untuk menyertai Konvensyen UPOV”. Ia menambah bahawa melalui “penggunaan aktif” Forum, MAFF “juga akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa luar negara bagi melindungi dan memeriksa varieti tumbuhan untuk mempercepatkan pendaftaran varieti tumbuhan baru di luar negara”.

Selaras dengan Strategi IPnya, Jepun telah meminda Akta Perlindungan Varieti Tumbuhan dan Benih. Akta yang dipinda berkuat kuasa 1 April 2022 secara kontroversi menyekat varieti yang dilindungi di Jepun daripada dibawa ke negara asing dan menghapuskan hak petani untuk menyimpan benih. Seperti yang dinyatakan dalam Strategi IP, Jepun memanfaatkan Forum EAPVP, termasuk melalui inisiatif seperti e-PVP Asia, untuk mengembangkan portfolio benih proprietarinya dengan pantas di Asia Tenggara dan seterusnya menguasai pasaran benih komersial rantau ini. Strategi pelaksanaan Jepun yang dibentangkan pada mesyuarat tahunan Forum adalah jelas mengenai pengukuhan daya saingnya dengan mencapai matlamat negaranya untuk “menggalakkan penyelaras dan kerjasama sistem PVP UPOV di peringkat serantau/antarabangsa untuk melindungi jenama Jepun di negara asing”.¹⁶

Jepun mewajarkan desakannya bagi sistem serantau yang selaras berdasarkan UPOV1991 dengan memetik kes-kes pelanggaran yang menjelaskan pemberi bakanya. Walau bagaimanapun, kebanyakan kes ini melibatkan sesama ahli UPOV, seperti Korea Selatan, China dan Australia, atau berpunca daripada pemberi bakal Jepun yang gagal mendapatkan perlindungan di luar negara. Akhirnya, usaha Jepun yang agresif untuk penyelaras serantau terutamanya berfungsi untuk mempercepatkan PVP bagi pemberi bakanya dan mengukuhkan penguasaannya dalam sektor benih komersial Asia Tenggara.¹⁷

Sebagai penderma utama dan sekretariat Forum EAPVP, Jepun memainkan peranan dominan dalam mempengaruhi pejabat PVP di Asia Tenggara agar seajar dengan objektifnya. Jepun menonjolkan diri dalam aktiviti Forum, terutamanya mesyuarat tahunan, di mana JATAFF yang kerap menyampaikan ucapan alu-aluan tanpa mengambil kira negara tuan rumah. Selain itu, strategi 10 tahun Forum berasal daripada cadangan Jepun pada 2017. Begitu juga, projek perintis e-PVP juga merupakan inisiatif yang diterajui Jepun.

2. Pengaruh Kerajaan dan Entiti Asing Lain

Bersama Jepun, Sekretariat UPOV memainkan peranan penting dalam membentuk Forum EAPVP. Wakilnya, termasuk Naib Setiausaha Agung, mengambil bahagian secara aktif dalam kebanyakan aktiviti Forum. Seperti Jepun, UPOV mempunyai pengaruh yang besar ke atas hala tuju Forum, aktiviti dan mesyuarat tahunan. Contohnya, mesyuarat tahunan Forum kerap menampilkan ucapan alu-aluan daripada Naib Setiausaha Agung UPOV, mengukuhkan lagi kehadiran dan kuasanya.

Sebagai tambahan kepada wakil daripada pejabat PVP dari rantau SEA+3, mesyuarat Forum EAPVP turut dihadiri oleh peserta “tetamu”. Jadual 1 memberikan gambaran keseluruhan mengenai pelbagai “tetamu” yang telah mengambil bahagian dalam mesyuarat tahunan Forum.

¹⁶ Strategi Pelaksanaan Individu Jepun yang dibentangkan pada mesyuarat tahunan Forum EAPVP boleh didapati di <http://eapvp.org/report/>

¹⁷ Kajian yang akan datang akan menyerlahkan kesan buruk sistem PVP Jepun terhadap sistem pertaniannya.

Jadual 1

Tahun	Tetamu yang mengambil bahagian
Mesyuarat Forum EAPVP ke-17 (2024)	Sekretariat UPOV, Naktuinbouw (Belanda), Pejabat Varieti Tumbuhan Komuniti Eropah (CPVO), Jabatan Pertanian AS (USDA), Perkongsian AS Mekong, Perikatan Benih Asia dan Pasifik
Mesyuarat Forum EAPVP ke-16 (2023)	Sekretariat UPOV, Naktuinbouw, Pejabat Paten dan Tanda Dagangan Amerika Syarikat (USPTO), Perkongsian AS Mekong termasuk Perkhidmatan Pertanian Asing USDA
Mesyuarat Forum EAPVP ke-15 (2022)	Sekretariat UPOV, CPVO, Naktuinbouw, SEMAE (Perancis, sebelum ini dikenali sebagai GNIS), Persatuan Benih Asia dan Pasifik
Mesyuarat Forum EAPVP ke-14 (2021)	Sekretariat UPOV, CPVO, USPTO, GNIS, Persatuan Benih Asia dan Pasifik
Mesyuarat Forum EAPVP ke-13 (2020)	Sekretariat UPOV, CPVO, Naktuinbouw, Kementerian Pertanian Belanda, GNIS, Persatuan Benih Asia dan Pasifik
Mesyuarat Forum EAPVP ke-12 (2019)	Sekretariat UPOV, CPVO, Naktuinbouw, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Belanda, GNIS, USPTO, Pejabat Varieti Tumbuhan Persekutuan Jerman, Instituto Nacional de Semillas Argentina
Mesyuarat Forum EAPVP ke-11 (2018)	UPOV, CPVO, USPTO, Naktuinbouw
Mesyuarat Forum EAPVP ke-10 (2017)	Tidak tersedia
Mesyuarat Forum EAPVP ke-9 (2016)	UPOV, CPVO, USPTO, Naktuinbouw
Mesyuarat Forum EAPVP ke-8 (2015)	UPOV, CPVO, USPTO, Naktuinbouw
Mesyuarat Forum EAPVP ke-7 (2014)	Sekretariat UPOV, GNIS, Pusat Sayuran Dunia, Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA)

Peserta “tetamu” tetap ialah Sekretariat UPOV; Pejabat Varieti Tumbuhan Komuniti Eropah (CPVO); Pejabat Paten dan Tanda Dagangan Amerika Syarikat (USPTO); Naktuinbouw;¹⁸ dan wakil industri benih multinasional (contohnya, wakil daripada Pertubuhan Antara Profesional Perancis bagi Benih dan Tumbuhan (SEMAE, dahulunya GNIS)).¹⁹ Mesyuarat tahunan Forum juga dihadiri oleh wakil pelbagai agensi negara maju lain seperti Pejabat Varieti Tumbuhan Persekutuan Jerman dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Belanda.

¹⁸ Naktuinbouw ialah pusat Belanda yang menilai identiti, kualiti dan kesihatan bahan pembiakan dalam sektor hortikultur. Ia juga menganjurkan latihan yang mempromosikan sistem PVP yang dimodelkan pada UPOV. <https://www.naktuinbouw.com/>. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara Naktuinbouw dan entiti lain mempromosikan UPOV di negara membangun, lihat “UPOV’s War against the Rights of Farmers”, APBREBES, 2024, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/news/upovs-war-against-farmers-rights>

¹⁹ Lihat <https://www.semae.fr/en/>

Bagaimanapun, ketidakhadiran yang jelas sekali dalam Forum EAPVP, adalah aktor tempatan dari rantau Asia Tenggara yang akan terjejas oleh keputusan pejabat PVP, khususnya petani kecil, orang asli, komuniti tempatan dan pertubuhan masyarakat sivil. Kumpulan-kumpulan ini telah berulang kali membangkitkan kebimbangan mengenai implikasi penggunaan UPOV 1991. Tindakan mengenepikan suara tempatan yang pelbagai ini menimbulkan persoalan mengenai kredibiliti dan kesahihan Forum.

3. Kepentingan Ekonomi Jepun, Kerajaan dan Entiti Asing

Peranan dominan Jepun, Sekretariat UPOV serta kerajaan dan entiti asing seperti Kesatuan Eropah (EU), Belanda, Jerman, Perancis dan Amerika Syarikat dalam prosiding dan aktiviti Forum EAPVP adalah menarik, walaupun tidak mengejutkan, memandangkan kepentingan ekonomi mereka yang besar dalam eksport benih (lihat Jadual 2).

Jadual 2

Negara	Eksport Benih bagi Menyemai Mengikut Negara – Tahun Kalendar 2020²⁰			Eksport Benih bagi Menyemai Mengikut Negara – Tahun Kalendar 2022²¹		
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (Juta USD)	Bahagian Nilai dalam Jumlah Eksport Benih Global (15,850 Juta USD) pada 2020	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (Juta USD)	Bahagian Nilai dalam Jumlah Eksport Benih Global (16,230 Juta USD) pada 2022
Perancis	820,819	2,293	14%	1,507,449	2,565	16%
Jerman	363,409	1,103	7%	287,848	1,123	7%
Jepun	9,681	155	1%	9,433	136	0.8%
Belanda	1,137,280	3,193	20%	1,053,800	3,162	20%
Negara EU lain ²²	2,863,029	4,052	26%	2,860,892	4,113	25%
Amerika Syarikat	530,261	1,846	12%	572,727	1,965	12%

²⁰ <https://worldseed.org/document/seed-exports-2020/>

²¹ <https://worldseed.org/document/seed-export-2022/>

²² Syarikat-syarikat benih dari Belanda, Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat adalah antara pengguna dominan sistem Varieti Tumbuhan Komuniti EU yang ditadbir oleh CPVO. Akibatnya, mereka juga berkemungkinan menjadi pengekspor benih terkemuka dalam negara EU yang lain.

Syarikat dari Perancis, Jerman, Jepun dan Amerika Syarikat (AS) secara kolektif mengawal separuh daripada pasaran benih global bagi tanaman ladang proprietari dan benih sayur-sayuran yang dijual melalui pasaran komersial dan ciri-ciri tanaman yang diubah suai secara genetik (lihat Jadual 3).

Jadual 3

Syarikat Terkemuka Mengikut Jualan Benih & Sifat, 2020

Kedudukan	Syarikat/Ibu pejabat	Jualan benih dan sifat (juta USD)	% bahagian pasaran global
1.	Bayer (Jerman)	10,286	23
2.	Corteva Agriscience (AS)	7,756	17
3.	ChemChina/Syngenta (China)	3,193	7
4.	BASF (Jerman)	1,705	4
5.	Groupe Limagrain/Vilmorin & Cie (Perancis)	1,684	4
6.	KWS (Jerman)	1,494	3
6 JUMLAH TERATAS		26,118	58
7.	DLF Seeds (Denmark)	1,153	3
8.	Sakata Seeds (Jepun)	648	1.0
9.	Kaneko Seeds (Jepun)	570	1.0
Jumlah Pasaran Dunia		45,000	100

Sumber: “Agrochemicals & commercial seeds”, *Food Barons 2022*, ETC Group, <https://www etcgroup org/food-barons-2022-agrochemicals-seeds>

Selain itu, Bayer (Jerman), BASF (Jerman), Corteva (AS), FMC (AS) dan Sumitomo Chemicals (Jepun) menguasai 51.5% daripada pasaran bagi agrokimia, yang digunakan secara meluas dengan benih proprietari.²³

Akibatnya, pemohon dari EU terutamanya Belanda, Jerman dan Perancis bersama-sama AS adalah penuntut utama PVP dan penerima manfaat sistem UPOV. Negara industri benih komersial ini merupakan pengguna perlindungan PVP yang paling prolifik di negara asing, seperti ditunjukkan dalam Jadual 4. Jepun melalui inisiatif Forum EAPVPnya sedang berusaha untuk mengejar perlindungan PVP di luar negara.

Kehadiran dan pengaruh yang konsisten Jepun serta kerajaan dan entiti asing yang lain dalam Forum mencerminkan kepentingan mereka dalam melindungi dan memperluaskan hak monopolis industri benih mereka yang sudah mempunyai kawalan yang besar ke atas sektor benih komersial global.

²³ “Agrochemicals & commercial seeds”, *Food Barons 2022*, ETC Group, <https://www etcgroup org/food-barons-2022-agrochemicals-seeds>

Jadual 4

Negara Asal Permohonan PVP Bukan Pemastautin

Negara	2021 (Jumlah Permohonan PVP: 6,225)	2022 (Jumlah Permohonan PVP: 5,747)	2023 (Jumlah Permohonan PVP: 5,314)
Amerika Syarikat	1,531 (25%)	1,400 (24%)	1,221 (23%)
Belanda	1,325 (21%)	1,267 (22%)	1,222 (23%)
Jerman	616 (10%)	484 (8%)	425 (8%)
Switzerland	531 (9%)	657 (11%)	539 (10%)
Perancis	485 (8%)	532 (9%)	483 (9%)
Australia	226 (4%)	129 (2%)	148 (3%)
Jepun	212 (3%)	204 (4%)	189 (4%)
Sepanyol	188 (3%)	151 (3%)	148 (3%)
United Kingdom	180 (3%)	122 (2%)	180 (4%)
Jumlah	86%	85%	87%
Negara lain	14%	15%	13%
AS+Belanda+Jerman +Perancis+Jepun	67%	67%	67%

Sumber: Maklumat statistik yang diberikan oleh ahli UPOV seperti yang terkandung dalam Dokumen UPOV C/56/INF/7, https://www.upov.int/edocs/mdocs/upov/en/c_56/c_56_inf7.pdf; Dokumen UPOV C/57/7, https://www.upov.int/edocs/mdocs/upov/en/c_57/c_57_7.pdf; dan Dokumen UPOV C/58/7, https://www.upov.int/edocs/mdocs/upov/en/c_58/c_58_7.pdf

Bab IV

Forum EAPVP: Asas bagi Propaganda UPOV

SEJAK penubuhannya, Forum EAPVP telah berkembang melalui mesyuarat tahunan dan sesi khusus yang tertumpu pada sistem UPOV dan faedah yang ditanggapnya. Perhimpunan ini selalunya termasuk lawatan ke negara yang melaksanakan piawaian UPOV, mengukuhkan pengaruhnya. Pejabat PVP dari negara SEA+3 mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat Forum, malah kadangkala menganjurkan mesyuarat itu. Semasa acara ini, mereka membentangkan laporan tahunan kepada UPOV dan “tetamu” yang hadir (disenaraikan dalam Jadual 1), memperincikan status PVP, cabaran, usaha dan strategi mereka untuk menyertai UPOV 1991, walaupun negara-negara SEA, kecuali Vietnam dan Singapura, bukan ahli UPOV.

Penentangan awam terhadap UPOV 1991 kekal kuat di negara-negara Asia Tenggara yang bukan ahli UPOV.²⁴ Sebagai tindak balas, Forum turut membincangkan strategi bagi mengatasi rintangan negara untuk menyertai UPOV 1991. Contohnya, pada “Mesyuarat untuk Memperkenalkan Maklumat Sebenar Mengenai Sistem UPOV”²⁵ yang diadakan pada Februari 2023, Ghana berkongsi bagaimana cara untuk mengatasi penentangan terhadap enakmen Akta PVP negara sejajar dengan UPOV 1991, akhirnya membolehkannya menyertai konvensyen itu.

Penyertaan Ghana dalam perbincangan sedemikian perlu diberi perhatian, memandangkan negara itu tidak mempunyai pengalaman terdahulu dalam melaksanakan perlindungan varieti tumbuhan, termasuk sistem UPOV. Akibatnya, Ghana tidak mempunyai pengetahuan langsung mengenai kesan sebenar, menimbulkan persoalan mengenai kredibiliti pembentangannya mengenai subjek itu. Realitinya, bukti empirikal menunjukkan bahawa pelaksanaan UPOV di rantau Pertubuhan Harta Intelek Afrika (OAPI) yang meliputi 17 negara Afrika yang berbahasa Perancis telah gagal,²⁶ seterusnya menimbulkan keraguan terhadap tuntutan yang dibuat dalam forum itu.

Bagi negara bukan ahli UPOV, tarikan kepada Forum mungkin kerana ianya memberi peluang untuk membincangkan perkara teknikal, seperti latihan mengenai pemeriksaan DUS bagi varieti khusus, dengan pejabat PVP lain di rantau ini. Walau bagaimanapun, sementara beberapa latihan dianjurkan mengenai aspek teknikal tertentu PVP dengan jurulatih biasanya dari Jepun dan Vietnam (penyokong sistem UPOV), kebanyakan aktiviti Forum adalah mengenai promosi langsung UPOV 1991, dan memahami, melaksanakan dan menguatkuaskan sistem itu.

²⁴ Contohnya, lihat <https://www.bothends.org/en/Whats-new/Letters/Open-letter-to-the-Indonesian-Government-concerning-plant-variety-rights-in-the-Free-Trade-Agreement-with-Indonesia/>; <https://grain.org/en/article/6372-asia-under-threat-of-upov-91>

²⁵ <http://eapvp.org/report-data/thailand/meeting-to-intro-actual-info-about-the-upov-system/>

²⁶ “A Dysfunctional Plant Variety Protection System: Ten Years of UPOV Implementation in Francophone Africa”, Kertas kerja, APBREBES, 2019, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/news/dysfunctional-plant-variety-protection-system-ten-years-upov-implementation-francophone-africa>

Di bawah samaran penyediaan bantuan teknikal dan kerjasama, secara berkesan Forum EAPVP ialah platform bagi Jepun, Sekretariat UPOV dan negara-negara pro-UPOV yang lain, dengan sokongan entiti “tetamu” yang mengambil bahagian (penerima manfaat utama sistem UPOV), untuk memupuk sokongan dalam kalangan pejabat PVP Asia Tenggara bagi UPOV 1991. Matlamat utama adalah untuk mendorong negara-negara ini ke arah keahlian UPOV 1991 dan mewujudkan sistem PVP serantau yang selaras berdasarkan peruntukannya, memastikan penguatkuasaan yang ketat di peringkat negara.

Oleh itu, tidak menghairankan, Forum tidak melibatkan perbincangan mengenai pendekatan *sui generis* alternatif untuk melaksanakan PVP dan perspektif yang pelbagai terutamanya petani kecil di rantau ini. Pendekatan ini juga melibatkan memanipulasi fakta, mengetepikan pandangan kritikal dan menyebarkan maklumat yang mengelirukan atau berat sebelah untuk memajukan kepentingan UPOV dan penyokongnya.

Sebagai contoh, pembentangan oleh Jepun pada seminar Forum menegaskan bahawa “produktiviti ubi keledek dan jagung di Vietnam telah menunjukkan peningkatan yang tinggi [sebanyak] 3.8% setahun dan 1.8% setahun masing-masing selepas menjadi ahli UPOV pada tahun 2006”.²⁷ Kenyataan yang sama juga sering dibentangkan oleh penyokong lain sistem UPOV, contohnya Sekretariat UPOV dan Jerman. Dakwaan ini adalah berdasarkan kertas penyelidikan yang dimulakan dan dibiayai oleh UPOV sendiri.²⁸ Walau bagaimanapun, penemuan kertas ini telah dicabar kerana banyak kelemahannya, termasuk maklumat tidak berasas dan dakwaan yang tidak masuk akal.²⁹

Kajian mendalam mengenai kesan PVP di Vietnam mendedahkan bahawa antara 2006 dan 2016, tiada satu pun permohonan PVP difailkan di negara itu bagi ubi keledek.³⁰ Selain itu, kajian menunjukkan kedua-dua tanaman telah menunjukkan prestasi yang baik sebelum 2006. Antara 1995 dan 2000, purata hasil jagung di Vietnam meningkat sebanyak 30%, purata 5% setahun.³¹ Selanjutnya, hasil tinggi juga direkodkan bagi ubi kayu, tanpa adanya satu permohonan pun bagi PVP.³²

Terbukti daripada maklumat palsu yang disebarluaskan melalui Forum EAPVP adalah percubaan terdesak oleh UPOV dan penyokongnya untuk membina hubungan sebab-akibat antara peningkatan hasil tanaman dan keahlian UPOV, walaupun tiada.

Entiti “tetamu” lain dalam Forum juga memainkan peranan dalam mengukuhkan naratif pro-UPOV. Sebagai contoh, untuk memujuk Asia Tenggara supaya menerima penyelarasan serantau, iaitu, melalui e-PVP Asia, CPVO, pada mesyuarat Forum pada 2023, telah memberikan pembentangan mengenai operasi dan pengalaman EU dalam melaksanakan sistem PVP serantau yang sama berdasarkan UPOV 1991.³³ Wakil CPVO menekankan manfaat bagi pembangunan, pihak berkuasa

²⁷ Lihat <http://eapvp.org/uploads/2-The-Plant-Variety-Protection-System-by-Mr.-Teruhisa-Miyamoto.pdf>

²⁸ Noleppa, S., “The socio-economic benefits of UPOV membership in Viet Nam: An ex-post assessment on plant breeding and agricultural productivity after ten years”, HFFA Research, boleh didapati di https://www.upov.int/export/sites/upov/about/en/pdf/HFFA_Final_Report_Vietnam.pdf

²⁹ “UPOV Misleads Developing Countries with Absurdly Incorrect Information”, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/node/327>

³⁰ SEARICE, APBREBES dan Fastenopfer, “Plant Variety Protection in Practice in Vietnam: The Pains in the Gains Achieved”, 2021, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/node/326>

³¹ Lihat https://www.researchgate.net/publication/254386249_Maize_in_Vietnam_Production_Systems_Constraints_and_Research_Priorities/link/55cd440008aebd6b88e05f45/download, p. 16.

³² Lihat <https://www.apbrebes.org/press-release/upov-misleads-developing-countries-absurdly-incorrect-information>

³³ <http://eapvp.org/uploads/9.-Implementation-of-a-Common-Regional-PVP-System-the-experience-of-the-European-Union.pdf>

negara dan pejabat pemeriksaan, serta kesan positif terhadap ekonomi Eropah, alam sekitar, pekerjaan dan lain-lain, memetik kajian khusus³⁴ untuk menyokong dakwaan itu.

Walau bagaimanapun, keadaan EU pada asasnya berbeza daripada Asia Tenggara. EU ialah kesatuan politik dan ekonomi dengan proses perundungan demokratik yang melibatkan Majlis Eropah dan Parlimen. Sebaliknya, Asia Tenggara tidak mempunyai integrasi politik dan ekonomi serantau. Dan kecuali Vietnam dan Singapura yang melaksanakan norma UPOV, kebanyakan negara Asia Tenggara yang lain mempunyai sistem PVP unik mereka sendiri.

Bagi manfaat yang didakwa daripada sistem serantau, kajian yang dirujuk dalam pembentangan CPVO boleh dipersoalkan. Satu kajian (Noleppa) membincangkan secara meluas manfaat pembiak baka tumbuhan, yang mungkin akan berlaku walaupun tanpa sistem PVP serantau (iaitu, CPVO) kerana setiap ahli EU sudah pun melaksanakan PVP. Tidak ada dalam kajian itu yang merujuk kepada CPVO. Kajian kedua telah dijalankan oleh CPVO sendiri, menimbulkan kebimbangan mengenai konflik kepentingan dan menjaskannya kredibiliti kajian sebagai penilaian bebas terhadap keberkesanan sistem.

Terutamanya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 dan 6 dalam Bab V, penyelarasan serantau memberi manfaat terutamanya kepada segelintir negara maju. Dalam kes CPVO, Belanda, Perancis, Jerman dan AS mendominasi penggunaan sistem serantau, manakala permohonan daripada negara lain kekal minimum. Malah lebih membimbangkan, penyelarasan telah membawa kepada peningkatan penumpuan dalam sektor pembiakkbaaan, seterusnya mengukuhkan kawalan dalam kalangan beberapa pemain utama.

Penyokong sistem PVP serantau yang diselaraskan dengan mudah mengabaikan kegagalan sistem serantau OAPI berdasarkan UPOV 1991, yang dilaksanakan di 17 negara francophone di Afrika. Pada 1999, di bawah tekanan daripada institusi yang berpangkalan di Geneva seperti UPOV, Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan WTO bersama negara maju dan industri benih mereka, OAPI telah memasukkan Lampiran X yang dimodelkan pada UPOV 1991 ke dalam Perjanjian Bangui.

Langkah itu didorong oleh janji-janji transformasi pertanian, termasuk kebangkitan sektor benih komersial yang kompetitif, peningkatan pelaburan asing dalam pembiak baka tumbuhan, akses kepada varieti tumbuhan asing baharu, hasil royalti yang besar untuk institut penyelidikan negara, dan manfaat masyarakat yang luas. Lebih sedekad selepas Lampiran X mula berkuat kuasa, bukti empirikal mendedahkan “sistem PVP yang tidak berfungsi yang tidak sejajar dengan realiti sosioekonomi dan pertanian di rantau ini”.³⁵ Malah, keputusan menunjukkan: menjelang akhir tahun 2023, dua dekad selepas pengenalan UPOV, hanya 19 hak milik varieti tumbuhan berkuat kuasa di seluruh rantau itu, bukti jelas kegagalan sistem serantau.³⁶

³⁴ Noleppa, S., “The economic, social and environmental value of plant breeding in the European Union: An ex post evaluation and ex ante assessment”, HFFA Research, 2016, boleh didapati di <https://www.planetp.eu/wp-content/uploads/2021/11/noleppa-2016-the-economic-social-and-environmental-value-of-plant-breeding-in-the-european-union.pdf>; dan Community Plant Variety Office dan European Union Intellectual Property Office, “Impact of the Community Plant Variety Rights System on the EU Economy and the Environment”, April 2022, boleh didapati di https://cpvo.europa.eu/sites/default/files/documents/cpvr_study_full_report_0.pdf

³⁵ ‘A Dysfunctional Plant Variety Protection System: Ten Years of UPOV Implementation in Francophone Africa’, Working Paper, APBREBES, 2019, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/news/dysfunctional-plant-variety-protection-system-ten-years-upov-implementation-francophone-africa>

³⁶ Dokumen UPOV C/58/7, boleh didapati di https://www.upov.int/edocs/mdocs/upov/en/c_58/c_58_7.pdf

Bab V

Kebimbangan terhadap Sistem Benih di Wilayah Asia Tenggara

DI bawah Perjanjian TRIPS, negara membangun mempunyai fleksibiliti penuh untuk melaksanakan sistem PVP yang sesuai dengan keperluan mereka. Mengambil kira kebebasan ini dan kepentingan sistem benih yang diuruskan oleh petani di negara membangun, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pakar lain tidak menggalakkan negara membangun menggunakan pakai sistem PVP berdasarkan UPOV.³⁷ Dalam konteks ini, pengaruh negara dan entiti pro-UPOV yang mempunyai kepentingan komersial terhadap pejabat PVP Asia Tenggara menimbulkan kebimbangan yang serius. Walaupun membangunkan sistem PVP serantau yang diselaraskan berdasarkan UPOV mungkin kelihatan cekap, ia berkemungkinan membawa kesan buruk yang ketara kepada rantau ini.

1. Menjejaskan Proses Membuat Keputusan Demokrasi Negara

Kebimbangan utama dengan Forum EAPVP ialah ia menjajaskan proses demokrasi negara. Kebanyakan negara Asia Tenggara mempunyai sistem PVP bukan-UPOV yang berbeza yang mengimbangi objektif negara dengan teliti, kepentingan pelbagai pihak berkepentingan pertanian termasuk pembiak baka tumbuhan dan kewajipan undang-undang antarabangsa negara. Pembangunan sistem PVP negara ini biasanya melibatkan perundingan dan tindakan pihak berkepentingan oleh parlimen, memastikan proses membuat keputusan yang demokratik.

Akibatnya, beberapa negara bukan-UPOV Asia Tenggara, seperti Malaysia, Filipina dan Thailand, telah menggubal undang-undang PVP yang merangkumi pengecualian yang lebih luas untuk melindungi hak petani, termasuk keupayaan petani untuk menyimpan, menggunakan, saling menukar dan menjual benih atau bahan pembiakan secara bebas. Selain itu, mereka menggabungkan langkah-langkah untuk melindungi kepentingan negara, seperti:

- **Mencegah biopiracy** dengan menghendaki pemohon PVP mendedahkan asal usul bahan tumbuhan yang digunakan dalam membangunkan varieti yang mana perlindungannya diminta dan memastikan pematuhan pemohon dengan undang-undang dan peraturan perkongsian manfaat dan akses negara.
- **Memastikan ketersediaan benih/bahan pembiakan** dengan mewajibkan pemohon PVP mendepositkan kuantiti benih/bahan pembiakan yang mencukupi dengan pihak berkuasa negara untuk kegunaan masyarakat setempat.
- **Memastikan kebolehcapaian benih/bahan pembiakan** dengan memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengambil langkah bagi memastikan pemegang PVP membekalkan benih/bahan pembiakan berkualiti pada harga dan kuantiti yang berpatutan.
- **Melindungi keterjaminan makanan negara** dengan membolehkan kerajaan mengambil langkah untuk menangani pengimportan benih/bahan pembiakan yang berlebihan, yang boleh menggantikan sistem benih tempatan dan menjajaskan keterjaminan makanan.

³⁷ “Focus on Plant Variety Protection: A Compilation of Selected Literature on the Impact of the UPOV Convention, Alternative sui generis PVP Laws and the Effect on Farmers’ Rights”, APBREBES, 2020, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/node/323>

Meskipun adanya perlindungan ini, pejabat PVP dari negara-negara Asia Tenggara mengambil bahagian dalam Forum EAPVP, yang terutamanya bertujuan untuk mendorong penerimaan UPOV 1991 di rantau ini. Bagi sesebuah negara menjadi ahli UPOV, perundangan negaranya mestilah mematuhi sepenuhnya UPOV 1991, dengan undang-undang PVPnya perlu menjalani semakan pematuhan oleh badan induk UPOV sebelum keahlian diberikan dan ini meninggalkan sedikit atau tiada ruang bagi pelencongan.³⁸

Terutamanya, UPOV 1991 tidak membenarkan undang-undang PVP yang mengiktiraf secara jelas hak petani untuk menyimpan, menggunakan, menukar dan menjual benih secara bebas walaupun bagi petani kecil. Ia juga menolak peruntukan undang-undang yang direka untuk menyelaraskan dengan undang-undang negara lain yang berkaitan seperti mengenai akses dan perkongsian manfaat, biokeselamatan atau mana-mana undang-undang lain atau mana-mana peruntukan lain untuk melindungi sistem benih tempatan, komuniti petani dan kedaulatan pertanian negara. Keperluan tegar ini mendedahkan ketidakfleksibelan UPOV.

Dengan melibatkan diri dalam usaha Forum EAPVP ke arah UPOV 1991, pejabat PVP mengenepikan undang-undang PVP negara mereka sendiri yang diwujudkan secara demokratik. Ini menjelaskan kuasa parlimen dalam membentuk undang-undang yang disesuaikan dengan landskap pertanian unik setiap negara. Sebaliknya, di bawah pengaruh Forum, kementerian pertanian dan pejabat PVP sedang ditekan untuk menerima pakai UPOV 1991 dari atas ke bawah yang mengabaikan pelbagai perspektif, bukti empirikal, realiti negara dan kewajipan undang-undang antarabangsa, termasuk berkenaan dengan hak petani untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan, di peringkat negara, mengenai perkara berkaitan dengan pemuliharaan dan penggunaan mampan sumber genetik tumbuhan bagi makanan dan pertanian, seperti yang diperlukan di bawah Perjanjian Antarabangsa mengenai Sumber Genetik Tumbuhan bagi Makanan dan Pertanian (ITPGRFA) dan diperkuuh lagi oleh Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Petani dan Orang Lain yang Bekerja di Kawasan Luar Bandar (UNDROP).

2. Kesan dan Penerima Manfaat Penyelarasian Serantau (e-PVP Asia)

Seperti yang dinyatakan di atas, e-PVP Asia telah dimulakan untuk mempercepatkan penerimaan dan penyelarasian piawaian PVP berdasarkan UPOV 1991 di rantau ini. Memandangkan Forum menyisihkan penyertaan pelbagai suara dan pandangan daripada Asia Tenggara, perbincangan berkenaan e-PVP Asia telah didorong oleh penyokong mekanisme itu, tertumpu semata-mata pada tanggapan kelebihan mekanisme sedemikian. Mereka mendakwa sistem PVP serantau akan meningkatkan kecekapan melalui gabungan borang permohonan PVP yang seragam, mengurangkan pertindihan dalam pemeriksaan permohonan, terutamanya dalam ujian DUS, mengurangkan kos bagi mendapatkan PVP dan mempercepatkan proses pemberian. Ketiadaan dalam perbincangan itu adalah implikasi sistem sedemikian, yang diteliti di bawah.

Siapa yang Berkemungkinan Mendapat Manfaat daripada e-PVP Asia?

Untuk memahami siapa yang akan mendapat manfaat daripada sistem PVP serantau yang diselaraskan, adalah penting untuk mengkaji pengalaman CPVO, yang mentadbir sistem PVP serantau bagi 27 ahli EU. Laporan tahunan CPVO bagi 2022 menyatakan bahawa “hampir setiap tahun lebih daripada satu pertiga daripada semua permohonan yang diterima berasal dari Belanda

³⁸ “The UPOV accession process – Preventing appropriate PVP laws for new members”, ABPREBES, 2023, boleh didapati di <https://www.apbrebes.org/news/upov-accession-process-preventing-appropriate-pvp-laws-new-members>

(34% pada 2022)... Belanda diikuti, agak jauh di belakang, oleh Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Switzerland”.³⁹ Bagi pecahan terperinci mengikut negara asal permohonan yang diterima oleh CPVO, lihat Jadual 5 (bagi 2022) dan Jadual 6 (bagi 2023).

Di luar EU, pemohon dari Amerika Syarikat adalah pengguna paling kerap sistem CPVO, dengan segelintir negara maju lain juga turut mengambil bahagian. Sebaliknya, negara membangun hampir tidak menggunakan mekanisme PVP serantau CPVO, walaupun mereka adalah ahli UPOV. Negara seperti Afrika Selatan, Brazil, Argentina dan Colombia – walaupun menjadi ahli UPOV – menggunakan sistem tersebut secara minimum. Menariknya, pemohon dari negara bukan-UPOV seperti Thailand, India dan Iran melibatkan diri dengan CPVO dengan lebih aktif daripada kebanyakan negara anggota UPOV.

Jadual 5

Negara Asal Permohonan PVP yang Diterima oleh CPVO pada 2022

Ahli CPVO	Bilangan Permohonan	Negara Bukan EU	Bilangan Permohonan
Belanda	1,093	Amerika Syarikat	282
Perancis	535	Switzerland	179
Jerman	414	United Kingdom	57
Sepanyol	116	Australia	33
Itali	98	Jepun	31
Denmark	83	Israel	16
Belgium	81	New Zealand	8
Poland	36	Afrika Selatan	8
Austria	24	China	7
Sweden	21	Thailand	7
Republik Czech	11	Argentina	4
Hungary	9	Kanada	4
Ireland	7	Korea Selatan	3
Slovenia	6	Mexico	3
Greece	3	Taiwan	3
Bulgaria	2	India	2
Portugal	2	Uruguay	2
Estonia	1	Brazil	1
Latvia	1		
Total	2,543	Total	650

Sumber: CPVO, https://cpvo.europa.eu/sites/default/files/documents/annual_report_2022.pdf

³⁹ https://cpvo.europa.eu/sites/default/files/documents/annual_report_2022.pdf

Jadual 6

Negara Asal Permohonan PVP yang Diterima oleh CPVO pada 2023

Ahli CPVO	Bilangan Permohonan	Negara Bukan EU	Bilangan Permohonan
Belanda	1,002	Amerika Syarikat	246
Perancis	418	Switzerland	193
Jerman	336	United Kingdom	42
Itali	117	Australia	39
Sepanyol	107	Jepun	36
Denmark	97	Israel	26
Belgium	45	Kanada	12
Poland	32	Colombia	10
Hungary	22	China	9
Austria	13	Taiwan	8
Czechia	7	Afrika Selatan	7
Greece	6	Korea Selatan	5
Sweden	4	New Zealand	4
Finland	4	Argentina	4
Slovenia	3	Thailand	2
Portugal	2	Mauritius	1
Latvia	1	Iran	1
Ireland	1	Costa Rica	1
Bulgaria	1	Chile	1
		Brazil	1
Jumlah	2,218	Jumlah	648

Sumber: CPVO, <https://cpvo.europa.eu/sites/default/files/documents/2024-10/annual-report-2023.pdf>

Laporan tahunan CPVO juga mendedahkan tahap penumpuan yang tinggi dalam pembiakan tumbuhan. Laporan itu menyenaraikan 15 pemohon teratas yang kerap menggunakan CPVO; berdasarkan maklumat yang diberikan, adalah jelas bahawa segelintir pemohon mendominasi dalam setiap sektor. Pada 2022, lima pemohon teratas mempunyai bahagian permohonan antara 74% bagi sayur-sayuran dan 60% bagi pertanian hingga 52% bagi spesies hiasan dan 50% bagi spesies buah-buahan.⁴⁰ Begitu juga, pada 2023, lima pemohon teratas mempunyai bahagian permohonan antara 69% bagi sayur-sayuran dan 62% bagi pertanian dan 52% bagi setiap jenis spesies hiasan dan spesies buah-buahan.⁴¹ Terutama, pemohon kebanyakannya dari Belanda, Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat.

⁴⁰ Berdasarkan maklumat yang terkandung dalam Jadual 6–9, ms. 36–37, Laporan Tahunan CPVO 2022, boleh didapati di https://cpvo.europa.eu/sites/default/files/documents/annual_report_2022.pdf

⁴¹ Berdasarkan maklumat yang terkandung dalam Jadual 6–9, ms. 33–34, Laporan Tahunan CPVO 2023, boleh didapati di <https://cpvo.europa.eu/sites/default/files/documents/2024-10/annual-report-2023.pdf>

Satu kajian yang ditugaskan oleh Kumpulan Greens/EFA dalam Parlimen Eropah⁴² mempertimbangkan penumpuan dalam sektor pembiakan benih, dikesan melalui permintaan syarikat untuk hak pembiakan tumbuhan di Eropah, dan mendapati bahawa antara 2000–2011 hanya lima syarikat memohon bagi 83% daripada PVP untuk varieti tomato (spesies sayuran yang paling menguntungkan) di Belanda. Kajian itu menyatakan bahawa “Di peringkat EU, kesan penumpuan ini lebih ketara, dengan 5 syarikat benih teratas memohon bagi 91% perlindungan hak harta intelek (IPR). Pada 2011, Monsanto dan Syngenta bertanggungjawab bagi 57% permohonan PBR untuk tomato, berbanding hanya 12% pada pada 2000”. Salah satu kesimpulannya ialah “perlindungan IPR yang kuat memperkuatkukan lagi proses penyatuan dan penumpuan yang disebutkan di atas oleh syarikat-syarikat terbesar”.

Pengalaman CPVO adalah memberi pengajaran. Ia mencadangkan bahawa penerima manfaat utama mekanisme serantau yang selaras adalah beberapa negara maju yang mempunyai kepentingan besar dalam pasaran benih komersial dan agrokimia. Sistem serantau yang membolehkan hak monopoli PVP dipohon dan diberikan dalam pelbagai bidang kuasa sambil mengehadkan keupayaan petani bagi menyimpan, menukar dan menjual benih/bahan pembiakan yang disimpan di ladang dan langkah-langkah lain untuk melindungi kepentingan negara terutamanya akan berfungsi untuk mengukuhkan dan mempercepatkan penguasaan pembiak baka komersial dan syarikat benih dari Belanda, Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Jepun di rantau Asia Tenggara. Pasaran benih yang sangat tertumpu di EU perlu menjadi amaran bagi kerajaan Asia Tenggara.

Di Amerika Syarikat juga, tumpuan untuk meluaskan hak proprietari dalam sektor benih telah mengakibatkan situasi yang membimbangkan iaitu penumpuan melampau dalam pemilikan harta intelek, dengan empat syarikat teratas (Bayer, Corteva, ChemChina dan BASF) memiliki 97% daripada canola, 95% daripada jagung, 84% daripada kacang soya, 51% daripada gandum dan 74% daripada harta intelek kapas (paten dan PVP).⁴³ Ini telah membawa kepada keimbangan mengenai kekurangan ketelusan mengenai hak harta intelek sedia ada yang berkaitan dengan varieti tumbuhan tertentu; penggunaan lesen untuk mengatasi pengecualian penyelidikan dan pembiakbakaan yang dijamin oleh hak pembiak baka tumbuhan; tingkah laku antipersaingan dalam industri; dan kesan negatif sistem semasa terhadap inovasi dan kepelbagaian genetik di ladang.⁴⁴

⁴² “Concentration of Market Power in the EU Seed Market”, kajian ditugaskan oleh Kumpulan Greens/EFA Group dalam Parlimen Eropah, boleh didapati di https://www.greens-efa.eu/files/assets/docs/concentration_of_market_power_in_the_eu_seed_market.pdf

⁴³ USDA, “More and Better Choices for Farmers: Promoting Fair Competition and Innovation in Seeds and Other Agricultural Inputs”, 2023, boleh didapati di <https://www.ams.usda.gov/sites/default/files/media/SeedsReport.pdf>
“Keputusan kami menunjukkan bahawa empat syarikat teratas secara mendadak meningkatkan bahagian pemilikan IP mereka sejak 1990-an. Sebagai contoh, untuk jagung, empat syarikat teratas memiliki 41% IP pada tahun 1990, dengan Pioneer membentuk 38%. Menjelang tahun 2000, bahagian ini telah meningkat kepada 77% dengan Pioneer diperoleh oleh DuPont (33%) dan Monsanto muncul sebagai pemilik IP yang ketara (26%). Pada tahun 2010, pemilikan empat teratas meningkat kepada 93%. Hari ini, empat teratas (Bayer, Corteva, ChemChina dan BASF) memiliki 97% canola, 95% jagung, 84% kacang soya, 51% gandum dan 74% IP kapas. Bayer memiliki peratusan tertinggi paten utiliti, termasuk 71% paten jagung, manakala Corteva memiliki peratusan tertinggi sijil PVP, termasuk 53% daripada PVP jagung.”

⁴⁴ <https://www.apbrebes.org/news/updates-plant-variety-protection-57>

Peningkatan dalam Permohonan/Pemberian PVP Tidak Menyamai Peningkatan Ketersediaan Benih/Bahan Pembiakan

Sistem PVP serantau yang dimodelkan pada UPOV 1991 tidak akan membenarkan pemberian hak PVP yang disyaratkan kepada pemohon menjadikan benih dilindungi atau bahan pembiakan tersedia dalam kuantiti yang mencukupi dan pada harga yang berpatutan di negara di mana hak tersebut diberikan. Akibatnya, peningkatan dalam permohonan atau pemberian PVP tidak semestinya diterjemahkan kepada ketersediaan benih atau bahan pembiakan yang lebih besar di peringkat negara. Sebaliknya, pembiak baka komersial berkemungkinan menggunakan sistem serantau terutamanya untuk mendapatkan hak PVP sebagai cara menyekat persaingan daripada pembiak baka di negara Asia Tenggara – suatu pendekatan oleh Jepun yang telah pun menunjukkan hasrat untuk meneruskannya.

Sebaliknya, tanpa mekanisme serantau, pembiak baka yang mencari PVP mestilah memohon secara individu di setiap negara. Proses ini secara semula jadinya tidak menggalakkan permohonan anti-persaingan, kerana pembiak baka lebih cenderung untuk mendapatkan hak PVP hanya di negara yang mereka benar-benar berniat untuk memasarkan varieti mereka.

Mengurangkan Peranan Pejabat PVP dan Kehilangan Kedaulatan Negara

Pada masa ini, sistem PVP kebangsaan di negara bukan-UPOV mempunyai fleksibiliti penuh dalam mengurus pemfailan dan pemberian permohonan PVP, termasuk menetapkan keperluan dan menentukan maklumat yang mesti diberikan oleh pemohon. Contohnya, negara bukan-UPOV mungkin memerlukan pemohon PVP untuk mendepositkan sampel benih atau bahan pembiakan di bank benih negara atau melaksanakan langkah yang memastikan varieti yang dilindungi tersedia dalam kuantiti yang mencukupi dan pada harga yang berpatutan bagi petani.

Walau bagaimanapun, menerima pakai UPOV secara ketara menyekat keupayaan negara untuk mereka bentuk dan melaksanakan sistem PVPnya sendiri. Penyelarasaran serantau seterusnya menghakis fleksibiliti ini dengan memusatkan pengurusan PVP dan membuat keputusan di peringkat serantau. Inisiatif e-PVP Asia, yang diawasi oleh Jepun dan UPOV, sudah pasti akan membawa kepada peningkatan pengaruh asing terutamanya daripada kepentingan Jepun dan Barat, yang telah pun menggunakan kawalan yang ketara ke atas Forum EAPVP.

Pejabat PVP negara juga dijangka menerima lebih sedikit hasil kerana pemfailan permohonan PVP semakin terpusat (kerana pemohon memilih untuk memfailkan melalui mekanisme serantau) dan ujian DUS negara kurang diperlukan. Ia boleh dijangka bahawa dari semasa ke semasa kepakaran dan peranan pejabat PVP negara akan berkurangan dengan ketara kerana kebanyakan proses dikendalikan di peringkat serantau, dikawal oleh beberapa kerajaan dan entiti yang berpengaruh.

Akibat yang lebih membimbangkan ialah kehilangan kedaulatan negara. Dengan tadbir urus PVP beralih daripada kementerian pertanian, negara mungkin mendapat diri mereka tidak dapat melaksanakan langkah yang perlu untuk melindungi kepentingan negara. Risiko pemusatan memudahkan pemonopolian sistem PVP dan, dengan lanjutan, sektor benih.

Memperkuuh UPOV 1991 di Negara Asia Tenggara

Salah satu kesan e-PVP Asia yang paling membimbangkan ialah pengukuhan sepenuhnya sistem PVP yang tidak sesuai di rantau Asia Tenggara. Terdapat sejumlah besar kajian dan bukti empirikal yang menyokong kesimpulan bahawa sistem PVP berasaskan UPOV adalah tidak sesuai bagi negara membangun.⁴⁵ Contohnya, kajian yang ditugaskan oleh GIZ bagi pihak Kementerian Persekutuan Jerman bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan mengesyorkan agar negara membangun yang belum menyertai UPOV “mempertimbangkan untuk memilih sistem PVP *sui generis* alternatif yang membolehkan lebih fleksibiliti”. Kajian itu menyimpulkan bahawa “pendekatan UPOV ‘satu ukuran sesuai untuk semua’ kelihatan ... bermasalah jika keadaan dan keperluan negara membangun yang sangat pelbagai perlu ditangani”, dan bahawa “undang-undang PVP berasaskan UPOV 91 didapati tidak memajukan realisasi Hak Petani; sebaliknya ia berkesan dalam arah yang bertentangan”⁴⁶.

Reka bentuk dan pembangunan UPOV 1991 tidak pernah mengambil kira keperluan dan kepentingan sistem pertanian di negara membangun. UPOV 1991 juga mempersempit model pertanian lapuk kerana ia dibangunkan lebih 30 tahun lalu. Ketidakfleksibelan dan ketegarannya tidak memberarkan ahlinya melaksanakan sistem PVP yang mengimbangi kepentingan negara yang pelbagai atau mencerminkan perkembangan terkini dalam undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan negara dan juga petani kecil. Pada 2021, Mahkamah Agung Honduras mengisyiharkan undang-undang PVP yang mematuhi UPOV sebagai tidak berperlembagaan kerana ia melanggar Perlembagaan dan pelbagai perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang diratifikasi oleh Honduras. Keputusan itu secara jelas merujuk kepada kewajipan Honduras untuk memastikan hak makanan penduduknya, dan hak untuk mendapatkan benih bagi petani dan orang asli, yang termaktub dalam ITPGRFA dan UNDROP.⁴⁷

Yang penting, keahlian UPOV bukanlah prasyarat bagi mempromosikan aktiviti pembiakan dan menyokong pembangunan pasaran benih negara. Data perbandingan antara negara UPOV dan bukan-UPOV yang diterbitkan dalam Indeks Akses kepada Benih 2019 menunjukkan bahawa tiada hubungan sebab-akibat antara sistem UPOV dan dinamik sektor benih dalam sesebuah negara.

Bilangan syarikat benih dengan aktiviti penjualan, pembiakbakaan dan pengeluaran di negara membangun dari Asia Selatan dan Asia Tenggara ditunjukkan dalam Jadual 7.

⁴⁵ “Focus on Plant Variety Protection: A Compilation of Selected Literature on the Impact of the UPOV Convention, Alternative *sui generis* PVP Laws and the Effect on Farmers’ Rights”, boleh didapati di https://www.apbrebes.org/sites/default/files/2020-12/APBREBES_UPOV-LitRev_EN_12-20_fin.pdf

⁴⁶ GIZ, “The UPOV Convention, Farmers’ Rights and Human Rights: An integrated assessment of potentially conflicting legal frameworks”, 2015, boleh didapati di <http://www.giz.de/fachexpertise/downloads/giz2015-en-upov-convention.pdf>

⁴⁷ “Seeds in the hands of peasant farmers: a judgment in favour of food sovereignty in Honduras”, https://grain.org/en/article/6809-seeds-in-the-hands-of-peasant-farmers-a-judgment-in-favour-of-food-sovereignty-in-honduras?utm_medium=email&_hs_mi=208440985&_hsenc=p2ANqtz-9C8NU67DjE65UqUb4IRKwYuyWMP6zhJWXlVOFuW2c8WD6xWJ2NSyvE-40hajbmATJTRTFq5T8jy_poKSqRcy5YgCjBGg&utm_content=208440985&utm_source=sendpress&utm_campaign

Jadual 7

Bilangan Syarikat Benih dengan Aktiviti Penjualan, Pembiakbakaan dan Pengeluaran di Asia Selatan dan Asia Tenggara

Asia Selatan dan Asia Tenggara – 10 Teratas (daripada 13 negara)

	Bilangan syarikat benih* dengan aktiviti jualan	Bilangan syarikat benih* dengan aktiviti pembiakbakaan	Bilangan syarikat benih* dengan aktiviti pengeluaran	Jumlah kehadiran**	Sistem PVP sedia ada
India	21	18	18	57	<i>Sui Generis</i>
Thailand	17	11	13	41	<i>Sui Generis</i>
Indonesia	18	8	10	36	<i>Sui Generis</i>
Vietnam	18	4	8	30	UPOV 91
Filipina	15	6	7	28	<i>Sui Generis</i>
Bangladesh	20	3	4	27	Tiada
Pakistan	17	2	3	22	<i>Sui Generis</i>
Nepal	15	1	2	18	Tiada
Sri Lanka	16	0	1	17	Tiada
Myanmar	12	0	3	15	<i>Sui Generis</i>

* Analisis termasuk 24 syarikat benih terkemuka di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

** Menambah aktiviti oleh syarikat benih (jualan, pembiakbakaan dan pengeluaran).

Sumber: “Access to Seed Index Shows: Implementation of UPOV 1991 Unnecessary For the Development of a Strong Seed Market”, Policy Brief, APBREBES, <https://www.apbrebes.org/news/access-seed-index-shows-implementation-upov-1991-unnecessary-development-strong-seed-market>, based on figures from the Access to Seed Index 2019

India, yang menggubal undang-undang *sui generis* PVP sendiri, adalah yang paling aktif dalam penjualan, pembiakbakaan dan pengeluaran benih tanaman di rantau Asia Selatan dan Asia Tenggara. Ia diikuti oleh Thailand dan Indonesia, yang juga mempunyai undang-undang PVP *sui generis*. Vietnam, satu-satunya negara dalam senarai yang telah menerima pakai sistem UPOV, hanya berada di tempat keempat.

Bab VI

Kesimpulan

FORUM EAPVP, yang dibentangkan sebagai platform bagi kerjasama, sebenarnya berfungsi sebagai alat strategik yang digunakan oleh Jepun dan Sekretariat UPOV serta disokong oleh negara asing dan entiti yang mendapat manfaat daripada sistem UPOV untuk mendorong negara Asia Tenggara secara beransur-ansur menyerahkan ruang dasar mereka. Tekanan ini bertujuan untuk menggantikan sistem PVP yang pelbagai dan disesuaikan secara nasional dengan rangka kerja UPOV 1991 yang tegar dan bersifat “satu ukuran sesuai untuk semua”. Seperti yang dibincangkan secara meluas dalam kertas kerja ini, penggunaan UPOV 1991 dan penyelarasaran serantau atas dasar ini akan membawa kesan negatif yang ketara kepada negara-negara Asia Tenggara.

Negara-negara Asia Tenggara, khususnya yang belum menjadi ahli UPOV, perlu menilai semula secara kritis penglibatan mereka dalam Forum EAPVP. Jika mereka memilih untuk terus mengambil bahagian, mereka perlu tegas menyokong:

1. Menilai semula hala tuju jangka panjang Forum – Mengalihkan tumpuan daripada keahlian UPOV ke arah memupuk kerjasama tulen dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara sambil mengiktiraf hak kedaulatan setiap negara untuk memelihara fleksibiliti, seperti yang dibenarkan oleh Perjanjian TRIPS, untuk memiliki dan melaksanakan sistem PVP negara yang berbeza daripada Konvensyen UPOV.
2. Menggalakkan perbincangan berasaskan bukti yang kritikal – Menggalakkan pendekatan yang lebih seimbang dan analitikal yang melangkaui andaian sempit bahawa keahlian UPOV adalah kunci kepada transformasi pertanian.
3. Penglibatan pelbagai perspektif – Membuka Forum untuk membenarkan penyertaan pihak berkepentingan dari Asia Tenggara, terutamanya petani kecil, masyarakat tempatan dan orang asli, dan masyarakat sivil, dalam pelbagai aktiviti Forum.
4. Sekretariat bebas dan neutral – Peranan Jepun sebagai sekretariat Forum mempersoalkan kredibiliti Forum memandangkan kepentingan komersial Jepun yang bercanggah. Terdapat keperluan penting bagi sekretariat bebas.
5. Memastikan ketelusan dan akauntabiliti – Langkah-langkah yang menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban aktiviti-aktiviti Forum.

Dengan mengambil langkah-langkah ini, negara-negara Asia Tenggara boleh melindungi kepentingan negara mereka, memastikan autonomi dasar, dan mengekalkan kawalan ke atas sistem benih mereka.

Jika pembaharuan bermakna untuk mendemokrasikan Forum terutamanya pelaksanaan langkah-langkah yang digariskan di atas tidak dicapai, negara-negara Asia Tenggara perlu segera menarik diri daripada Forum. Penyertaan berterusan dalam platform yang cacat dan tidak seimbang itu hanya akan menjaskan kepentingan negara dan kedaulatan dasar mereka.

Kertas kerja ini secara kritis mengkaji tekanan yang semakin meningkat ke atas negara-negara Asia Tenggara untuk menerima pakai Konvensyen 1991 Kesatuan Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Tumbuhan Baharu (UPOV 1991) yang tegar serta yang direka bagi struktur pertanian yang dikomersialkan di negara-negara perindustrian.

Ia mendedahkan bagaimana Forum Perlindungan Varieti Tumbuhan Asia Timur, yang dimulakan oleh Jepun di bawah nama kerjasama, telah berkembang menjadi platform utama untuk mempromosikan standard UPOV 1991 secara agresif, mengetepikan keutamaan pertanian negara dan hak petani. Melalui analisis terperinci, kertas kerja ini mendedahkan motivasi komersial yang mendorong agenda ini dan peranan penting negara maju dan entiti sekutu mereka, yang berdiri sebagai penerima utama manfaat sistem UPOV dan penyelarasannya serantau berdasarkannya. Ia menonjolkan bagaimana aktiviti pro-UPOV Forum mengancam untuk menghakis kedaulatan negara, menjelaskan keterjaminan makanan, dan mengukuhkan lagi sistem perlindungan varieti tumbuhan (PVP) yang tegar di seluruh rantau yang direka untuk memenuhi kepentingan komersial Jepun dan negara maju lain, terutamanya Belanda, Jerman, Perancis dan Amerika Syarikat.

Ia menggesa negara-negara Asia Tenggara untuk menilai semula secara kritis penyertaan mereka dalam Forum, menyokong pembaharuan yang bermakna untuk melindungi ruang dasar mereka, dan jika perlu, menarik diri untuk melindungi kepentingan negara mereka dan memastikan pelaksanaan sistem PVP yang sejajar dengan keperluan pertanian domestik dan yang melindungi kepentingan petani dan kedaulatan makanan.

SANGEETA SHASHIKANT ialah Penyelaras Program Pembangunan dan Harta Intelek serta Penasihat Undang-undang kepada Third World Network.